

# Larian di tengah kedamaian, pemandangan hijau

**Serdang:** Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Kolej Pendeta Za'ba akan menganjurkan program MY10K@UPM Farm Run di kampus di sini, 1 Oktober depan.

Penganjuran memasuki tahun kedua itu menawarkan acara larian bersama suasana damai dan pemandangan hijau dalam persekitaran ladang dengan landskap pohon

besar serta tasik cantik. Pengetua Kolej Pendeta Za'ba, Prof Madya Dr Farinazleen Mohamad Ghazali, berkata program itu bertujuan meningkatkan kesedaran menjaga kesihatan dalam kalangan peserta.

## Larian amal

"MY10K@UPM Farm Run akan bermula dan tamat di Bukit Ekspo UPM,

selain turut menampilkan acara khas larian amal sejauh lima kilometer (km) sebagai inisiatif mengumpul dana untuk Persatuan Sindrom Prader-Willi Malaysia," katanya.

Dr Farinazleen berkata, enam kategori akan diperlombakan membabitkan tiga jarak, iaitu 5km, 12km dan 16km, manakala yuran penyertaan ialah antara RM60 hingga RM85



## Program MY10K@ UPM Farm Run

Kategori dipertandingkan  
→ **5km** lelaki dan wanita  
→ **12km** lelaki dan wanita  
→ **16km** lelaki dan wanita

mengikut kategori.

"Pemenang 10 kedudukan teratas setiap kategori akan memperoleh hadiah wang tunai dan trofi," katanya.

Orang ramai dan warga kampus yang berminat menyertai boleh melayari laman web: [racexasia.com](http://racexasia.com) bagi membuat tempahan atau menghubungi talian 019-2007569 untuk sebarang pertanyaan.



**Prof Madya Dr Farinazleen Mohamad Ghazali**